

**PUSAT PENJAGAAN DAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK;  
PENDEKATAN BARU TERHADAP KUALITI REKABENTUK**

**SITI RASHIQAH BINTI MOHD YUSOP**

**810316-01-5060**

Tesis ini dikemukakan kepada

Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Senibina

Jabatan Senibina

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2008



## ABSTRAK

Kanak-kanak merupakan aset yang paling berharga buat negara. Sebagai golongan pelapis dan juga pemangkin negara, mereka berhak diberi perhatian yang sewajarnya terutama dari aspek perkembangan dan juga pembangunan. Persekitaran yang berkualiti dari segi fizikal dan sosial dilihat mampu memberi implikasi yang positif dalam perkembangan mereka. Program tesis ini bukan hanya sekadar menyediakan tempat penjagaan dan pendidikan prasekolah, tetapi lebih kepada sebuah kompleks yang mampu merangsang perkembangan dan pembangunan kanak-kanak secara berkualiti dengan mengangkat elemen interaksi terhadap persekitaran.